

**RADIKALISME MELAYU DARI PERAK 1945-1970:
KEBANGKITAN RAKYAT, PEMIKIRAN,
SUMBANGAN DAN PENGORBANAN.**

ISHAK BIN SAAT

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2007**

**RADIKALISME MELAYU DARI PERAK 1945-1970:
KEBANGKITAN RAKYAT, PEMIKIRAN,
SUMBANGAN DAN PENGORBANAN.**

Oleh

ISHAK BIN SAAT

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2007

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 Mei 2007
25 Rabiulakhir 1428H

ISHAK BIN SAAT
P- OD0040

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurniaNya saya telah diberikan kekuatan dan kesungguhan untuk menyelesaikan tesis doktor falsafah sejarah ini.

Dalam kesempatan ini penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ahmad Jelani bin Halimi dan Profesor Madya Dr. Mohd. Isa bin Othman, selaku penyelia tesis doktor falsafah ini yang telah banyak meluangkan masa, memberikan tunjuk ajar serta bimbingan di sepanjang proses menyiapkan catatan sejarah ini. Malah pandangan yang membina sering diberikan di setiap kali pertemuan. Dalam kesempatan ini juga penyelidik ingin memberikan penghargaan kepada semua pihak yang turut terlibat memberikan bantuan dan pandangan bagi menyiapkan tesis doktor falsafah yang berjudul Radikalisme Melayu Dari Perak 1945-1970: Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan dan Pengorbanan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada keluarga tercinta khasnya isteri tersayang Sharifah Rogayah bt. Syed Idrus serta anak-anak, yang amat memahami kesibukan penyelidik ketika menyiapkan tesis ini. Semoga kejayaan in akan menjadi sumber inspirasi buat kalian. Akhir kata, semoga catatan sejarah ini dapat dimanfaatkan buat semua pembaca serta mendapat keberkatan Ilahi.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
<i>Pengakuan</i>	<i>i</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ii</i>
<i>Isi kandungan</i>	<i>iii</i>
<i>Senarai Sengkatan</i>	<i>viii</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>x</i>
<i>Senarai Lampiran</i>	<i>xi</i>
<i>Senarai Gambar</i>	<i>xiii</i>
<i>Abstrak</i>	<i>xiv</i>
<i>Abstract</i>	<i>xvi</i>

BAB 1

PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Skop Kajian	6
1.4 Kajian Lepas	8
1.5 Metodologi Kajian	20

a.	Kajian Sumber Pertama	20
b.	Kajian Sumber Kedua	24
1.6	Masalah Penyelidikan	25
1.7	Radikalisme	27
1.8	Istilah Melayu	37
1.9	Konsep Radikalisme Melayu	40

BAB 2

	LATARBELAKANG RADIKALISME MELAYU	48
2.1	Latarbelakang Perjuangan Politik Melayu	49
2.2	Institusi Pendidikan	59
2.3	Aliran Kaum Muda	66
2.4	Kebangkitan Kesedaran Orang Melayu	75
2.5	Kebangkitan Perjuangan Radikalisme Melayu	89
2.5.1	Faktor Sosial	91
2.5.2	Faktor Agama	103
2.5.3	Faktor Pendidikan	109
2.5.4	Faktor Penjajahan	111
2.5.5	Faktor Ekonomi	115
2.5.6	Faktor Politik	121

BAB 3**PERJUANGAN GOLONGAN RADIKALISME MELAYU PERAK**

1945-1970	127
3.1 Radikalisme Islam	129
3.2 Radikalisme Kebangsaan Melayu	140
3.3 Radikalisme Melayu Sosialis	154
3.4 Radikalisme Melayu Komunis	161

BAB 4

ALIRAN PEMIKIRAN RADIKALISME MELAYU	171
4.1 Pemikiran Keagamaan / Islam	174
4.2 Pemikiran Kebangsaan Melayu	194
4.3 Pemikiran Melayu Sosialis	209
4.4 Pemikiran Melayu Komunis	221

BAB 5

STRATEGI DAN PENDEKATAN GOLONGAN RADIKAL	240
5.1 Melalui Akhbar dan Penulisan	242
5.2 Melalui Kepimpinan Karismatik	263
5.3 Melalui Organisasi Politik	279
5.4 Melalui Slogan dan Tindakan	292
5.5 Melalui Gerakan Gerila	309

BAB 6

CABARAN DALAM PERJUANGAN	322
6.1 Halatuju Radikalisme Melayu	323
6.2 Konsistensi Perjuangan	342
6.3 Kekuatan Radikalisme Melayu	353
6.4 Cabaran Dalam Perjuangan	371

BAB 7

KESIMPULAN	386
-------------------	------------

Lampiran	401
Bibliografi	428
1. Dokumen	428
2. Temuramah Tokoh	432
3. Kertas Kerja	433
4. Latihan Ilmiah/ Tesis	434
5. Buku-buku Rujukan	435
6. Artikel	445
7. Senarai Akhbar dan Majalah	449
8. Internet	451

SENARAI SINGKATAN

AJU	-	<i>Anti Japanese Union</i>
AMCJA	-	<i>All Malayan Council Of Joint Action</i>
API	-	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
DAP	-	<i>Democratic Action Party</i>
FTU	-	<i>Federal Trade Union</i>
GERAM	-	Gerakan Angkatan Pemuda Malaya
GMPR/GEMPAR	-	Gabungan Melayu Patani Raya
HM	-	Hizbul Muslimin
IBHY	-	Ibrahim Haji Yaakub
IMP	-	<i>Independence Malaya Party</i>
ISA	-	<i>Internal Security Act</i>
KRIS	-	Kekuatan Rakyat Indonesia Semenanjung
KMM	-	Kesatuan Melayu Muda
MATA	-	Majlis Agama Tinggi SeMalaya
MIC	-	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPSI	-	Maktab Perguruan Sultan Idris
MRLA	-	Tentera Pembebasan Nasional Malaya
UMNO	-	<i>United Malays National Organization</i>
PAP	-	<i>People Action Party</i>
PAS	-	Parti Islam SeMalaya

PBM	-	Parti Buruh Malaya
PEPERMAS	-	Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya
PERAM	-	Pemuda Radikal Melayu
PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PMFTU	-	<i>Pan Malayan Federation of Trade Union</i>
PN	-	Parti Negara
PNI	-	Parti Nasionalis Indonesia
PPP	-	<i>People's Progressive Party</i>
PR	-	Perlembagaan Rakyat
PRB	-	Parti Rakyat Brunei
PRM	-	Parti Rakyat Malaya
PRKM	-	Pergerakan Rakyat Kalimantan Malaya
PUTERA	-	Pusat Tenaga Rakyat
SF	-	<i>Socialist Front</i>
UDP	-	<i>United Democratic Party</i>

SENARAI JADUAL

TAJUK	M/S
JADUAL 2.1 : <i>STATISTIK PEGAWAI MALAYAN CIVIL SERVICE PADA 1 JULAI 1946</i>	55
JADUAL 2.2 : <i>HASIL KELUARAN GETAH DAN B. TIMAH TAHUN 1940-1948. ('000 tan)</i>	119
JADUAL 3.1 : <i>KEAHLIAN PARTI KEBANGSAAN MELAYU MALAYA TAHUN 1947</i>	153
JADUAL 5.1 : <i>BILANGAN ANGGOTA DAN SUMBANGAN KEWANGAN DARIPADA PKM</i>	249
JADUAL 5.2 : <i>MONTHLY TAX ON RUBBER ESTATES</i>	319
JADUAL 5.3 : <i>MONTHLY TAX ON TIN MINES, FACTORIES AND SHOPHOUSE</i>	320
JADUAL 6.1 : <i>PERATUSAN UNDI PARTI-PARTI POLTIK PILIHANRAYA TAHUN 1959 DAN 1964.</i>	355

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Senarai Lampiran	m/s
1.	LAMPIRAN I <i>Gambar-gambar</i>	401
2.	LAMPIRAN II <i>Keratan Akhbar Voice of The People 16/11/1945</i>	414
3.	LAMPIRAN III <i>Sulit – Surat Pengaduan terhadap Voice of The People</i>	415
4.	LAMPIRAN IV <i>Rang Undang-undang 1946</i> <i>Parti Kebangsaan Melayu Malaya</i>	416
5.	LAMPIRAN V <i>UMNO/SG 89/1946</i> <i>Surat Jemputan Malayan Indian Congress kepada</i> <i>Setiausaha Agong UMNO –</i> <i>Inter Asian Relations Conference</i>	417
6.	LAMPIRAN VI <i>No. (7) in UMNO/SG-89/46</i> <i>Surat Jawapan UMNO kepada Joints Secretaries</i> <i>Malayan Indian Congress</i>	418
7.	LAMPIRAN VII <i>Perutusan Hari Buruh PKM 27/4/1946</i>	419
8.	LAMPIRAN VIII <i>Draf Perlembagaan Rakyat 1947</i>	421
9.	LAMPIRAN IX <i>Summaries Malayan Foreign Trade April 1947</i>	422

10.	LAMPIRAN X <i>Surat Rasmi PKMM 1 Mei 1950</i>	423
11.	LAMPIRAN XI <i>Keratan Akhbar The Malay Mail 11 November 1955</i>	424
12.	LAMPIRAN XII <i>Pemasyhuran Kemerdekaan 31 Ogos 1957</i>	425
13.	LAMPIRAN XIII <i>Perlembagaan Parti Marhaen Malaysia</i>	426
14.	LAMPIRAN XIV <i>Catatan Abdul Majid Salleh 1988</i>	427

SENARAI GAMBAR

LAMPIRAN I

Bil.	Gambar tokoh-tokoh Radikalisme Melayu Perak	m/s
1.	<i>Abdul Majid Salleh</i>	401
2.	<i>Ibrahim Singgeh dan Cikgu Mohd. Yusof bin Ayob</i>	402
3.	<i>Ustaz Abu Bakar Al Baqir dan Prof. Zulkifli Muhammad</i>	403
4.	<i>Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Ustaz Jaiz Anuar</i>	404
5.	<i>Ahmad Boestamam dan Dato Onn Jaafar</i>	405
6.	<i>Penyelidik dan Hj. A. Darji bersama Ibrahim Singgeh Pejabat PKMM dan API Cawangan Sitiawan</i>	406
7.	<i>Pejuang-pejuang politik dalam Kem Tahanan</i>	407
8.	<i>Perarakan API di Melaka tahun 1946 dan Pemimpin PKM Abdullah CD, Chin Peng dan Suriani</i>	408
9.	<i>Maahad II Ihya As-Sharif dan SITC</i>	409
10.	<i>Madrasah Al Huda Wal Bushra, Sg. Parit, Pasir Panjang Pusara Allahyarham Prof. Dr. Burhanuddin Al Helmy</i>	410
11.	<i>Muka Depan Akhbar Berita Harian 29/5/1961</i>	411
12.	<i>Muka Depan Akhbar Voice of The People 16/11/1945</i>	412
13.	<i>Sekolah Kebangsaan Francis Light, Pulau Pinang</i>	413

**RADIKALISME MELAYU DARI PERAK 1945-1970.
KEBANGKITAN RAKYAT, PEMIKIRAN, SUMBANGAN
DAN PENGORBANAN.**

ABSTRAK

Penulisan tesis ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah kebangkitan rakyat, pemikiran, sumbangan dan pengorbanan golongan Radikal Melayu Dari Perak dalam arus perdana penentangan terhadap penjajah British di Tanah Melayu. Perjuangan menuntut pembebasan total telah dimulakan oleh anak-anak muda Perak, yang bersemangat kental tanpa menghiraukan nasib yang akan menimpa diri sendiri. Bagaimana mereka ini berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti pengalaman pemenjaraan dan ditohmah bangsa sendiri. Malah kajian sejarah ini turut memperlihatkan bagaimana gerak kerja mereka lakukan dalam berhadapan dengan pihak penjajah British serta pendukung-pendukungnya. Namun kerana keyakinan dan kekuatan semangat menentang penjajah Barat, pembelaan maruah bangsa dan tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu, mereka harungi juga liku-liku perjuangan tersebut.

Analisis turut dilakukan oleh penyelidik bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pergerakan radikalisme Melayu dari Perak. Sejauh mana

pemikiran, sumbangan dan pengorbanan yang telah menjadi pemangkin gerakan radikalisme Melayu di seluruh Tanah Melayu. Tesis ini turut mengkaji bagaimana terbentuknya aliran pemikiran radikalisme Melayu. Bagi membuktikan peranan golongan ini, analisis dilakukan terhadap dokumen-dokumen rasmi dan tak rasmi. Malah kajian kepustakaan turut dilakukan bagi memantapkan hasil kajian tesis ini.

Melalui tesis "Radikalisme Melayu Dari Perak 1945-1970. Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan dan Pengorbanan" ini, kita dapati sumbangan dan pengorbanan mereka yang bergelar radikal amat penting dan mampu menggugat kedudukan penjajah British. Walaupun idea dan saranan mereka diawalnya ditolak tetapi kemudiannya ia diterima pakai. Melaluinya kebangkitan rakyat dipaparkan. Bagi mengungkapkan kisah-kisah di sebalik sejarah Malaysia yang diketahui umum. Tanpa kekuatan dan tekanan mereka belum tentu Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

**MALAY RADICALISM OF PERAK 1945-1970:
RISE OF THE PEOPLE, THOUGHTS,
CONTRIBUTIONS AND SACRIFICES.**

ABSTRACT

The documentation of these historical facts aims at looking into the thoughts, struggles and contributions of the Malay radicals of Perak in fighting the British colonialists in Malaya. Indeed, the struggle for total liberation was first started and activated by the high spirited youths without worrying the risks ahead of them. In fact, they were faced by severe challenges such as imprisonment, harassment and condemnation by the people of their own race. However, due to the strength, confidence and commitment, those highly spirited radicals remained steadfast in their refusal to give up but to fight the western colonialists to liberate their motherland.

A thorough analysis has also been done to study the contributing factors that influenced the Malay radicals as well as to have a closer look at elements that serve as catalysts to generate strength among them. In fact, this study also reveals the strategies adopted by the movement in waging war against the British and its allies. This documentation, that uncovers and highlights the real

experiences and challenges faced by the Malay radicals, is considered to be a brave attempt as not many in the past had attempted to do so. The roles and contributions of those labelled as radicals are not much highlighted and discussed as if they were not at all contributing to liberate their motherland from the British colonialists. To prove the roles of this group, analyses were conducted on official and non-official documents. Library researches were also conducted to further enhance the findings of this thesis.

It is hoped that this study “Malay Radicalism of Perak 1945-1970: Rise of The People, Thoughts, Contributions and Sacrifices”, focuses specifically on the roles and contributions of the Malay radicals, will create awareness among the people to appreciate their struggle that has been proven to destabilize the British. Ideas and suggestions from them were initially rejected but finally were accepted and practiced. This study also hopes to highlight the rise of the people against the British. As a matter of fact, without their commitment, strength and the pressure they posed against the British, Malaya may not be liberated on 31 August 1957.

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Radikalisme mempunyai pengertian yang berbeza mengikut waktu, keadaan dan sudut pandangan. Perkataan radikal itu berasal dari istilah *Latin, radix*,¹ yang membawa maksud akar umbi. Radikalisme adalah semangat perjuangan yang membela masalah akar umbi masyarakat yang meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial. Justeru itu radikalisme adalah perjuangan menentang keburukan bagi mendapatkan kebaikan-kebaikan asas dan agar dasar diubah untuk memperolehi keadilan.² Istilah ini bermula di Barat dalam konteks perjuangan menentang

¹ Gerakan radikal di Barat khususnya di Eropah pada awal abad ke 19 yang dipelopori oleh Charles James Fox yang menuntut kerajaan Britain supaya lebih demokratik. Beliau memperjuangkan reformasi dari segi politik, ekonomi dan sosial untuk menegakkan keadilan dengan tujuan memperbaiki kehidupan masyarakat. Memperjuangkan perubahan secara drastik. <http://www.clements.umich.edu/webguides/Arleness/EF/FoxCJ.htm>1. William L.Clements Library. The University of Michigan. Charles James Fox papers dan rujuk juga <http://www.bookrags.com/wiki/Radicalism/historical>. Radikalisme di Barat akan dikupas secara panjang lebar dalam sub topik Radikalisme di muka surat 27-37.

² *Kamus Dewan*, Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 1010.

kezaliman pihak berkuasa. Umumnya istilah ini digunakan bagi merujuk kepada pembelaan dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks perjuangan menentang penjajahan, ia merupakan satu bentuk falsafah politik golongan yang dilabelkan oleh penjajah sebagai golongan kiri atau penentang kepada *status quo* dan kekuasaan penjajah. Pelabelan pihak penjajah³ ini memberi erti yang bertentangan dengan pengertian yang digunakan dalam konteks radikal Barat. Pelabelan radikal pihak penjajah ke atas golongan berfalsafah atau ideologi kiri berdasarkan kepada unsur anarkis dan penderhakaan terhadap golongan pemerintah kolonial dan *establishment* tempatan. Pelabelan ini jika dilihat secara mudah, tidak memberikan unsur-unsur yang signifikan dan bermakna kepada perjuangan golongan kiri atau radikal, semata-mata sebagai penentang. Kefahaman sedemikian tidak menjelaskan ciri-ciri dan falsafah politik golongan kiri secara tepat. Perjuangan kiri dalam konteks kajian ini juga mempunyai unsur-unsur pembelaan yang dipakai dalam pengertian radikalisme di Barat dan tidak terhad kepada aspek perjuangan politik sahaja. Ertinya perjuangan golongan ini mempunyai falsafah politik yang bertunjang kepada prinsip, idea dan hasrat pembelaan yang diterjemahkan dalam bentuk tindakan serta dilaksanakan secara konsisten dan rasional. Landasan dan wadah perjuangan mereka adalah bagi membanteras penindasan dalam kehidupan masyarakat. Dalam konteks perjuangan radikalisme golongan radikal di tanah jajahan seperti di Tanah Melayu perjuangan golongan ini bermatlamatkan kemerdekaan.

³ 'Conference held under Chairmanship of H.E. the Governor-General, at 10.a.m. on Thursday; 26th. June, 1947 in the Governor-General's Office: Singapore'. *MSS. Ind. Ocn.s.254*, hlm. 1-29, dan sila rujuk juga Malayan Security Service, Political Intelligence Journal, Serial No. 10/1948, bertarikh 31 May 1948, *MSS. Ind. Ocn. 251*, hlm. 358-363.

Konsep radikalisme Melayu yang diperkatakan dalam tesis ini adalah sebuah perjuangan yang bersifat penentangan terhadap pihak penjajah dan golongan elit Melayu. Dalam ertikata lain perjuangan golongan ini merupakan sebuah kebangkitan rakyat. Kajian-kajian yang pernah dihasilkan tidak memperlihatkan secara menyeluruh dan mendalam kepada perjuangan golongan radikal, khususnya yang muncul di negeri Perak. Golongan Melayu radikal dari Perak memperjuangkan pembelaan terhadap ketidakadilan dalam pelbagai aspek, kaedah dan organisasi. Mereka telah berjuang dengan prinsip, falsafah dan konsistensi yang menjadi pelopor dan penggerak perjuangan radikal di Tanah Melayu. Ia juga memperlihatkan sumbangan dan pengorbanan yang dilalui oleh mereka. Para pejuang radikal yang muncul di Perak bukan sekadar menjadi tokoh setempat tetapi melangkau jarak dan sempadan kenegerian sehingga digelar sebagai pejuang dan tokoh politik nasional.

1.1 Objektif Kajian

Perjuangan golongan radikal Melayu dalam politik Tanah Melayu amat penting terutamanya bagi mewujudkan kesedaran kebangsaan dan kemerdekaan kepada masyarakat yang masih di bawah telunjuk penjajah. Dengan itu pemaparan sejarah perjuangan golongan ini, yang muncul di Perak di bawah tajuk “Radikalisme Melayu Dari Perak 1945-1970 : Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan dan Pengorbanan” akan dapat memenuhi beberapa objektif penting seperti berikut:

1. Mengkaji dan membukukan perjalanan pergerakan golongan radikal Melayu bagi menunjukkan bahawa perjuangan mereka mempunyai makna dan kepentingan yang tidak harus diabaikan dalam sejarah kemerdekaan. Berdasarkan kepada unsur heuristik seperti pensejarahan, sumber-sumber kajian, bahan-bahan yang diperolehi, pengkaedahan dan penyelidikan maka kewujudan golongan radikal ini amat penting dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu menuntut kemerdekaan.
2. Menganalisis faktor-faktor yang telah menyebabkan keradikalan golongan ini sebagai pejuang kemerdekaan dan sebagai orang Melayu yang sedar terhadap keburukan dan kerugian yang berterusan di bawah penjajahan British. Penelitian terhadap faktor-faktor tersebut dapat menjelaskan punca kesuburan pergerakan radikal dan ketegaran radikalisme para tokoh Melayu Perak berbanding penampilan orang Melayu dari negeri-negeri lain. Kemudian akan disingkap pula rintangan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi sehinggakan mereka dilabelkan sebagai penjenayah, komunis dan pengkhianat bangsa. Pengorbanan dan kejayaan yang telah dicapai oleh tokoh-tokoh dan pergerakan mereka turut dipaparkan bagi membuktikan bahawa perjuangan mereka amat penting dalam mengisi arus perdana perjuangan politik menuntut kemerdekaan. Semoga pengorbanan mereka tidak dilupakan, malah diiktiraf.

3. Melalui dapatan kajian ini penyelidik ingin menunjukkan bahawa perjuangan golongan yang bergelar radikal Melayu ini amat penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu kerana kehadiran mereka berjaya menyedarkan bangsa Melayu secara menyeluruh tentang kepentingan menentang penjajah British. Malah tesis sejarah ini ingin memaparkan kebenaran sejarah pergerakan perjuangan menuntut kemerdekaan yang pernah ditempuhi golongan radikal sehingga ramai di antara mereka terpaksa membayar mahar yang tidak ternilai harganya. Mereka dipenjarakan demi untuk kebebasan bangsa Melayu daripada berterusan dibelenggu oleh kuasa penjajah.

4. Akhirnya kajian ini akan dapat memberi kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat umum, agar menghargai jasa dan sumbangan golongan radikal yang berani menentang dan berhadapan dengan pihak penjajah British. Malah mereka ini sanggup mengorbankan diri dan kebahagiaan keluarga demi untuk memenuhi cita-cita membebaskan seluruh masyarakat Melayu serta Tanah Melayu daripada terus dijajah.

Berdasarkan objektif-objektif yang hendak dicapai, tesis sejarah ini berusaha memaparkan kebenaran sejarah perjuangan kemerdekaan yang diperjuangkan oleh golongan radikal Melayu. Perjuangan mereka ini amat bermakna bagi memberikan kesedaran dan keinsafan kepada seluruh bangsa

Melayu agar bangkit memperjuangkan hak dan pertuanan Melayu yang terbelenggu dan tertindas sekian lama. Melalui kajian ini juga dapat menyingkap kisah-kisah perjuangan yang dilalui oleh golongan kiri yang seolah-olah telah dilupakan, khususnya jasa dan sumbangan mereka dalam mencorakkan sejarah perjuangan orang-orang Melayu menentang kuasa penjajah British.

1.2 Permasalahan Kajian

Golongan radikalisme Melayu dari Perak adalah golongan yang memperjuangkan pembelaan terhadap bangsa Melayu yang dijajah dalam bentuk perjuangan tuntutan kemerdekaan. Pendekatan yang dipilih oleh mereka adalah anti British. Kajian ini cuba menjelaskan perjuangan segolongan orang Melayu yang menentang penjajah dengan falsafah politik pembelaan. Dengan matlamat untuk mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan agama, bangsa dan negara. Gagasan perjuangan mereka tidak bersifat kenegerian tetapi lebih luas dan terbuka merangkumi Nusantara. Perjuangan mereka berkonsepkan Melayu Raya.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian penulisan ini menjurus kepada pemikiran, peranan, perjuangan, sumbangan dan pengorbanan yang telah diberikan serta tribulasi yang terpaksa dihadapi oleh tokoh-tokoh radikal Melayu dari Perak. Mereka ini bertanggungjawab

menggembleng tenaga dan juga menjadi penggerak kepada pergerakan-pergerakan menentang penjajahan British dan memperjuangkan kemerdekaan. Tokoh-tokoh yang memimpin dan pergerakan-pergerakan yang dipelopori oleh golongan radikal Melayu dari Perak ini, bukan sahaja menjadi pemacu semangat perjuangan menentang penjajah di peringkat tempatan tetapi turut menjadi penggerak arus perdana. Lantaran itu kajian ini memberikan tumpuan sepenuhnya kepada tokoh-tokoh kelahiran negeri Perak dan juga pergerakan-pergerakan pimpinan mereka yang berjaya menjadi wadah nasional serta berjaya menggugat keselesaan penjajah British di Tanah Melayu.

Skop kajian ini dipilih bagi memperlihatkan kekuatan perjuangan golongan radikal dalam menentang penjajah British dengan menggunakan pelbagai metodologi perjuangan. Konsistensi mereka ini amat menarik untuk dikaji kerana mereka sentiasa mempelbagaikan penggunaan strategi dan kesesuaian masa untuk menyatakan ketegasan mereka itu.

Tempoh masa kajian ini dipilih adalah dari tahun 1945 hingga 1970 kerana ia merupakan tempoh masa yang paling penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu. Awal tahun 1940-an memperlihatkan kebangkitan gelombang perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu. Tempoh masa ini merupakan waktu terpenting dalam perjuangan menentang penjajah British. Ia merupakan jangka waktu yang paling memuncak dalam arus kesedaran bangsa Melayu terhadap penindasan British di Tanah Melayu. Melalui kajian ini nantinya dapat mendedahkan matlamat perjuangan, strategi, cabaran, tribulasi dan

rintangan serta faktor-faktor yang mempengaruhi, malah kaedah perjuangan yang dipilih oleh golongan radikal Melayu dari Perak. Dalam penulisan tesis ini juga penyelidik akan paparkan pengalaman tokoh-tokoh radikal Melayu dari Perak yang terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai rintangan dan cabaran sehinggakan ada yang ditangkap serta dihukum penjara.

Dalam tesis ini juga penyelidik akan paparkan sumbangan dan pengorbanan serta tribulasi yang telah dilalui oleh tokoh-tokoh seperti Ustaz Abu Bakar Al Baqir, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Ahmad Boestamam, Abdul Majid Salleh, Rashid Maidin, Abdullah CD, Musa Ahmad, Ibrahim Singgeh dan Cikgu Mohd. Yusof bin Ayob. Mereka merupakan tokoh-tokoh radikal Melayu dari Perak yang memimpin gerakan-gerakan anti British di negeri Perak khususnya dan juga di Tanah Melayu amnya. Akhirnya dalam penulisan tesis ini nanti akan terjawab persoalan-persoalan mengapa, kenapa dan bagaimana sesuatu peristiwa sejarah gerakan radikalisme Melayu itu terjadi secara lebih rasional. Diharapkan juga melalui penulisan ini dapat merungkaikan dan membersihkan nama mereka serta dapat mengkategorikan tokoh-tokoh radikal Melayu dari Perak ini setaraf dengan pejuang-pejuang kemerdekaan yang telah diterima masyarakat umum.

1.4 Kajian Lepas

Setakat ini tidak ditemui kajian khusus mengenai perjuangan Radikalisme Melayu Dari Perak. Namun kajian-kajian yang membicarakan secara umum atau yang

membicarakan persoalan-persoalan seperti institusi pendidikan, pergerakan, parti-parti politik dan tokoh-tokoh Melayu dari Perak memang banyak ditemui. Kajian-kajian lepas ini memfokuskan kepada peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh institusi-institusi dan tokoh-tokoh tersebut secara umum. Terdapat beberapa artikel, jurnal, kertas kerja dan buku yang ditulis secara langsung atau tidak langsung mengenai sejarah perjuangan mereka itu. Ada beberapa penulisan telah menyentuh secara khusus mengenai perjuangan dan sumbangan tokoh-tokoh radikal Melayu dari Perak iaitu penulisan biografi tentang Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Ahmad Boestamam, mengenai perjuangan, ketokohan dan keterlibatan mereka dalam gerakan politik Tanah Melayu. Sejarawan Ramlah Adam dalam kertas kerjanya telah mengupas topik *Dr. Burhanuddin Al-Helmy : Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948* dengan memaparkan penganalisaan terhadap penglibatan dan falsafah perjuangan Dr. Burhanuddin Al Helmy, sebagai seorang pejuang kemerdekaan dan politikus Melayu, melalui Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Malah beliau turut memperakui sumbangan besar yang telah diberikan oleh Dr. Burhanuddin kepada perjuangan menuntut kemerdekaan daripada British. Tulisan ini juga memperlihatkan kematangan dan ketinggian pemikiran politik Dr. Burhanuddin sehingga lahirnya *Perlembagaan Rakyat* tahun 1947.⁴ Perkara ini menunjukkan bahawa Dr. Burhanuddin telah mendahului zamannya. Malah pemikiran beliau telah menjadi asas penting dalam percaturan politik pelbagai kaum sebelum merdeka dan dasar negara pasca merdeka.

⁴ Ramlah Adam, *Dr. Burhanuddin Al Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948*, Titian Akademik, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993.

Sebuah lagi buku Ramlah Adam yang berjudul *Burhanuddin Al Helmy : Suatu Kemelut Politik*, merupakan sebuah penulisan terperinci berkaitan biografi tokoh politik tersebut. Buku ini mencatatkan riwayat hidup Dr. Burhanuddin dari zaman kanak-kanak hinggalah menjadi seorang tokoh politik Melayu terbilang yang terpaksa menempuh ranjau dan duri dalam perjuangan menentang penjajah. Penulis memperlihatkan keberkesanan kepimpinan Dr. Burhanuddin sebagai seorang pemimpin parti politik yang memiliki karisma tinggi ketika memimpin parti-parti politik seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Parti Islam SeMalaya (PAS). Penulis juga cuba memperlihatkan kesungguhan Dr. Burhanuddin dalam memperjuangkan falsafah kebangsaan Melayu beliau, iaitu melalui konsep Melayu Raya yang mendasari perjuangan beliau dari zaman sebelum merdeka sehinggalah ke zaman selepas merdeka.⁵ Melalui konsep inilah akhirnya beliau dituduh sebagai penderhaka dan terpaksa melalui kehidupan dalam penjara sehingga ke akhir hayatnya.

Sebuah lagi penulisan yang mengupas perjuangan anak-anak muda Perak dalam menentang dan membela bangsa Melayu, dinukilkan oleh Nabir Haji Abdullah dalam *Maahad Il Ihya As-Sharif Gunung Semanggol 1934-1959*. Karya ini telah berjaya memperlihatkan penglibatan institusi agama dalam mengisi arus perjuangan menuntut kemerdekaan daripada pihak British. Dalam penulisan ini ketokohan Ustaz Abu Bakar Al Baqir telah diketengahkan.⁶ Beliau menjadi

⁵ Ramlah Adam, *Burhanuddin Al Helmy: Satu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000.

⁶ Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya As-Sharif Gunung Semanggol 1934-1959*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1976.

penggerak bukan sahaja kepada institusi agama tetapi telah menjadi tokoh nasional kerana memimpin parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu, iaitu Hizbul Muslimim (HM). Kehadiran Hizbul Muslimin tidak disenangi oleh pihak British dan juga oleh golongan elit Melayu sehinggakan kehadiran HM dalam arus politik negara ditohmah sebagai amat berbahaya dan berbau komunis. Tuduhan ini telah dilontarkan oleh Dato Onn Jaafar ketika memimpin *United Malays National Organization* (UMNO) waktu itu bertujuan untuk menghalang ahli-ahli UMNO menghadiri persidangan yang diadakan di Gunung Semanggol. Antara lain beliau mengatakan '*Hubaya, hubaya, Bahaya dari Gunung.*' Kenyataan ini dikeluarkan oleh Dato Onn dalam persidangan UMNO di dewan Sekolah Francis Light di Pulau Pinang pada 26 April 1948.⁷

Ketokohan Ustaz Abu Bakar Al Baqir telah menyebabkan beliau terpaksa membayar mahar yang amat tinggi apabila dipenjarakan oleh pihak British selama lima tahun di bawah Akta Darurat 1948. Malah tulisan Nabir Haji Abdullah juga telah memperlihatkan sumbangan Institusi Pendidikan Islam ini sebagai penggerak kepada pergerakan-pergerakan seperti Majlis Agama Tinggi [MATA], Parti Kebangsaan Melayu Malaya [PKMM], Lembaga Pendidikan Rakyat [LEPIR], Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya [PEPERMAS], Hizbul Muslimin [HM] dan akhirnya Parti Islam SeMalaya [PAS].⁸ Penulis buku ini juga memaparkan peranan Maahad Il Ihya As-Sharif dalam menanamkan kesedaran tuntutan perjuangan Islam yang bersifat syumul, merangkumi keseluruhan aspek kehidupan. Sesuai

⁷ *Utusan Melayu*, 26 April 1948, hlm. 1.

⁸ *Ibid.*

sebagai agama yang bersifat universal dan selaras dengan slogan hari ini iaitu Islam sebagai *A Way of Life*.⁹ Dari segi kepentingan buku ini, ia telah berjaya memberikan sumbangan dari sudut *Historical-Metric*, yang sangat bermakna sebagai sebuah dokumentasi sejarah perjuangan bangsa Melayu dan Islam di Tanah Melayu.¹⁰ Tulisan ini sesuai dijadikan rujukan khusus tentang gerakan perjuangan politik Melayu Islam di Tanah Melayu.

Satu lagi buku yang boleh dijadikan rujukan penulisan yang berkaitan dengan topik Radikalisme Melayu dari Perak adalah buku yang ditulis oleh sarjana Barat William R. Roff, yang berjudul *The Origins of Malay Nationalism*. Tulisan beliau ini antara lain mengutarakan perjuangan dan pertembungan dua aliran pemikiran besar di Tanah Melayu iaitu Kaum Muda dan Kaum Tua. Beliau menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi aliran Kaum Muda yang akhirnya bertembung dengan pemikiran tradisional yang didukung oleh Kaum Tua. Bagaimana mereka menyusun strategi bila berhadapan dengan Kaum Tua. Juga memperlihatkan keterlibatan Kaum Muda dalam mendominasi gerakan kemerdekaan Tanah Melayu.¹¹

⁹ Muhammad Abu Bakar, *Potret Masa, Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi*, Jilid 1, Gateway Publications House, Petaling Jaya, 1994, hlm. 152-162. Kertas kerja bertajuk Islam sebagai *A Way of Live* telah dibentang oleh pengarang di Seminar Pemikiran Islam, anjuran Fakulti Usuluddin, Akademik Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 9-10 November 1987.

¹⁰ *Historical-Metric* bermaksud penulisan sejarah yang berasaskan bukti dan sumber. Ia juga merupakan sebuah catatan sejarah mengikut kronologi peristiwa itu berlaku secara terperinci. Lantaran itu hasil penulisan sejarah seumpama ini berjaya menarik minat pembaca dan mudah difahami.

¹¹ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Oxford, Kuala Lumpur, 1994.

Penulisan beliau ini turut mengkategorikan tiga golongan penting yang tergolong dalam perjuangan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu. Tiga golongan itu ialah golongan reformis Islam, golongan radikal Melayu dan golongan elit Melayu. Ketiga-tiga golongan ini merupakan penggerak utama dalam arus tuntutan perjuangan menentang penjajah British di Tanah Melayu. Beliau turut menegaskan bahawa berlaku pertembungan antara golongan tersebut yang membantutkan perjuangan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu, khususnya antara golongan reformis Islam dan golongan radikal Melayu dengan golongan elit Melayu.

Beliau turut mengaitkan peranan institusi pendidikan sekular dalam menyedar dan melahirkan golongan radikal Melayu berpendidikan sekular khususnya para lulusan SITC Tanjung Malim, Perak. Penulis berjaya menyingkap sejarah dan membuktikan bahawa para guru lulusan SITC memiliki semangat perjuangan yang tinggi dalam perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu. Buku ini turut membuktikan bahawa institusi unggul SITC berperanan besar dalam melahirkan tokoh-tokoh radikal di Perak dan Tanah Melayu amnya.

Sebuah lagi buku yang membicarakan tokoh radikal di Tanah Melayu, ialah *Ahmad Boestamam : Satu Biografi Politik*, ditulis oleh Ramlah Adam. Buku ini merupakan sebuah catatan sejarah politik seorang tokoh besar radikal Melayu zaman tersebut. Dalam buku Ramlah Adam, beliau mengupas secara panjang lebar tentang penglibatan Ahmad Boestamam dalam arus perjuangan menentang penjajah British. Bermula sebagai seorang jurnalis sehinggalah menjadi tokoh politik yang memimpin beberapa gerakan radikal di Tanah Melayu seperti

Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Parti Rakyat Malaya (PRM). Kepimpinan dan peranan beliau dalam API amat menonjol sehinggakan API telah dilabelkan oleh penjajah British sebagai gerakan radikal yang sanggup menentang penjajah walaupun terpaksa menumpahkan darah.¹²

Catatan sejarah ini turut memuatkan sikap toleransi politik antara tokoh-tokoh besar radikal waktu itu seperti kerjasama di antara Ahmad Boestamam dengan Dr. Burhanuddin Al Helmy. Malah kematangan politik mereka ini dibuktikan melalui kerjasama dalam perancangan dan pembentukan Perlembagaan Rakyat tahun 1947. Perlembagaan Rakyat anjuran mereka berjaya mendapat sambutan baik daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya bangsa Melayu, Cina dan India.

Catatan kisah pemenjaraan Ahmad Boestamam sebagai tokoh radikal amat tidak disenangi oleh pihak British. Walaupun dalam buku tersebut penulis banyak membuat penilaian moral atau *moral judgment* terhadap tokoh yang beliau pilih, ini tidak bermakna tokoh itu bukan seorang pejuang kemerdekaan tulen. Pemenjaraan dan pengalaman Ahmad Boestamam ini sudah cukup membuktikan bahawa beliau sebenarnya seorang pejuang kemerdekaan pada zaman tersebut. Pandangan Ramlah Adam amat baik dari segi kronologi perjuangan tokoh tersebut tetapi ia merupakan satu kajian selapis yang membicarakan persoalan perjuangan tokoh tersebut dalam perjuangan politik kemerdekaan Tanah Melayu semata-mata.

¹² Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.

Beliau tidak mengupas persoalan konsep perjuangan dan konsistensi secara *detail* yang menyebabkan Ahmad Boestamam kekal dalam golongan radikal sehingga akhir hayatnya. Rumusan dari penggunaan satu premis oleh sarjana ini boleh disanggah kerana ia kurang tepat dan tidak melihat dari premis yang lain. Sebagai contohnya beliau kurang melihat dari sudut masa yang menyebabkan tokoh radikal menggunakan pelbagai kaedah dalam mengisi perjuangan radikal beliau. Tindakan ini memperlihatkan kematangan unsur dinamika politik yang dimiliki oleh Ahmad Boestamam.

Buku Ramlah Adam yang terbaru, *Gerakan Radikalisme di Malaysia (1938-1965)* harus juga diteliti. Beliau secara sinis mengkritik golongan radikal Melayu kerana bagi beliau golongan ini hanya merupakan sebuah gerakan kecil yang penuh dengan gimik-gimik politik semata-mata. Beliau turut menyanggah catatan-catatan pengalaman yang dicatatkan mereka yang pernah berjuang dalam gerakan radikalisme Melayu sebagai propaganda untuk mengagung-agungkan golongan berhaluan kiri semata-mata.¹³ Sebagai penyelidik, buku ini juga harus diteliti kerana penulisan pro dan kontra dapat mematangkan hasil penulisan sejarah.

Sebuah lagi catatan sejarah yang harus dikaji ialah *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, tulisan Mohamed Salleh Lamry turut mengupas secara terperinci kegiatan golongan kiri Melayu. Beliau mengupas tentang gerakan

¹³ Ramlah Adam, *Gerakan Radikalisme di Malaysia (1938-1965)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 80.

komunis Melayu yang berjuang ketika era keamanan dan juga gerakan bersenjata selepas penguatkuasaan Akta Darurat 1948.¹⁴ Namun perincian tulisan beliau ini kebanyakannya bersandarkan kepada sumber kedua dan catatan tokoh-tokoh komunis Melayu yang terlibat waktu itu khususnya memoir Abdullah CD dan Ibrahim Chik. Lantaran itu catatan sejarah beliau lebih kepada membesarkan peranan dan penglibatan golongan komunis Melayu dalam perjuangan kemerdekaan. Namun hasil penulisan beliau dapat membantu penyelidik untuk menganalisa secara mendalam peranan dan sumbangan golongan kiri Melayu khususnya peranan golongan radikalisme Melayu Komunis yang terdapat di Tanah Melayu.

Kajian tesis doktor falsafah ini tidak lengkap sekiranya penyelidik tidak merujuk juga kajian tesis yang berkaitan dengan golongan kiri yang pernah ditulis oleh beberapa penyelidik lain. Secara khususnya kajian tesis secara tepat berkaitan dengan golongan Radikalisme Melayu dari Perak tidak ditemui tetapi penyelidik berjaya menemui beberapa hasil penyelidikan dalam bidang yang hampir sama. Rustam A. Sani umpamanya, melalui tesis sarjana beliau berjudul *The Origin Of The Malay Left – An Analysis Of The Social Roots*, mengupas berkaitan dengan perjuangan Melayu kiri. Beliau berpendapat bahawa golongan yang dilabelkan kiri itu lebih kepada segolongan orang Melayu yang terpengaruh dengan ideologi sosialis dan juga memperjuangkan idea-idea yang disarankan oleh sosialisme. Lantaran itu penyelidik berpendapat kajian beliau ini agak sempit

¹⁴ Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2006.

kerana hanya mengkategorikan golongan Melayu kiri adalah golongan sosialis sahaja.¹⁵ Seterusnya dalam tesis beliau juga turut menyatakan beberapa buah parti politik Melayu yang berhaluan kiri adalah KMM, PKMM, Parti Rakyat dan juga Parti Sosialis Rakyat Malaya. Paling menarik dalam tesis ini ialah beliau menjelaskan bahawa perjuangan Melayu kiri ini memperjuangkan matlamat *Melayu Raya* yang diasaskan oleh KMM dan diteruskan oleh PKMM dan PRM kemudiannya.¹⁶ Dengan kata lain perjuangan golongan Melayu berhaluan kiri ini bersandarkan kepada penyatuan dengan Indonesia.

Kemudian Zawiyah Muhammad melalui Latihan Ilmiah bertajuk *Semangat Perjuangan Melayu : Satu Analisis Sosiologi Mengenai PKMM*, boleh dikategorikan sebagai sebuah penyelidikan ilmiah yang terperinci.¹⁷ Walaupun ia hanya sebuah latihan ilmiah namun kupasan dan huraian berkaitan dengan sejarah penubuhan, matlamat perjuangan dan konsep Melayu Raya yang diperjuangkan oleh PKMM ditulis secara kritis dan sistematik. Beliau berjaya menyampaikan sebuah penulisan yang baik serta menjelaskan kepada pembaca secara sistematik dan kronologi perjuangan yang dibawa oleh PKMM. Bermula dengan menghuraikan konsep umum nasionalisme Melayu, kemudian menjelaskan sejarah penubuhan PKMM dan kegiatannya serta membuktikan kepada pembaca bahawa PKMM adalah sebuah pertubuhan politik kiri Melayu yang berpengaruh.¹⁸ Akhirnya

¹⁵ Rustam A. Sani, "The Origin of The Malay Left – An Analysis of The Social Roots", Tesis MA, University of Kent, Canterbury, 1975, hlm. 11.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 73-75.

¹⁷ Zawiyah Mohammad Yusof, "Semangat Perjuangan Melayu : Satu Analisis Sosiologi Mengenai PKMM", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1984.

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 45-52.

menjelaskan secara terperinci ideologi *Melayu Raya* sebagai cita-cita politik PKMM. Lantaran itu penyelidik berpendapat latihan ilmiah ini boleh dijadikan rujukan dan dapat membantu dalam melengkapkan tesis Radikalisme Melayu dari Perak 1945-1970.

Manakala N. J. Funston melalui penyelidikan tesis sarjana bertajuk *Malay Politics In Malaysia, A Study of The UMNO and PAS*, pula mengupas persoalan perjuangan politik orang-orang Melayu dari tahun 1945 hingga 1969. Secara khususnya beliau memperkatakan perjuangan yang dipelopori oleh *United Malay National Organisation* (UMNO) dan juga Parti Islam SeMalaysia (PAS).¹⁹ Beliau menjelaskan bahawa kedua-dua parti besar orang-orang Melayu ini memiliki idea dan ideologi yang berbeza, namun kedua-duanya memiliki sokongan kuat daripada masyarakat Melayu. Beliau turut menjelaskan bahawa dalam perjuangan menuntut kemerdekaan orang-orang Melayu turut diceriakan oleh tiga golongan yang terdiri daripada pertamanya tenaga pengajar daripada Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, keduanya pengaruh dari Indonesia dan akhirnya pengaruh dari gerakan reformis Islam dari Timur Tengah.²⁰ Tesis sarjana beliau ini secara terperinci mengupaskan peranan UMNO dan PAS khususnya dari segi pengaruh, latarbelakang, idea, peranan, matlamat dan juga pendekatan yang dipilih oleh golongan ini.

¹⁹ N.J. Funston, *Malay Politics In Malaysia, A Study of UMNO & PAS*, Heinemann Educational Books, Kuala Lumpur, 1980.

²⁰ *Ibid.*, hlm. 31-32.

Akhirnya penyelidik turut merujuk tesis doktor falsafah yang ditulis oleh Ho Hui Ling berjudul *Keadaan Sosial di Tanah Melayu 1948-1960*. Dalam tesis ini penulis membicarakan persoalan sejarah komunis dan keadaan sosial masyarakat dalam tempoh darurat dilaksanakan di Tanah Melayu.²¹ Tempoh masa yang dikaji oleh beliau ini amat penting bagi penyelidik membuat rujukan kerana lingkaran tempoh masa ini penting dalam sejarah perjuangan golongan radikal di Tanah Melayu. Namun tesis beliau ini hanya membicarakan keadaan sosial masyarakat seperti penindasan dan penderitaan rakyat Tanah Melayu zaman darurat khususnya kezaliman pihak PKM. Manakala peranan golongan radikal Melayu khususnya peranan PKMM hanya disentuh sepintas lalu sahaja.²²

Huraian-huraian ini merupakan sebahagian daripada kajian lepas yang membicarakan perjuangan golongan radikal Melayu dalam arus perdana tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu. Ia dapat membantu penyelidik dalam usaha melengkapkan penulisan tesis doktor falsafah ini. Melalui catatan-catatan sejarah pengalaman mereka dan catatan-catatan sejarawan tersebut, dapat membantu penyelidik menyingkap kisah-kisah sejarah yang tersurat dan tersirat.

²¹ Ho Hui Ling, "Keadaan Sosial di Tanah Melayu 1948-1960", Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

²² *Ibid.*, hlm. 12 dan 17.

1.5 Metodologi Kajian

Bagi memantapkan penulisan tesis ini, penyelidik akan menggunakan beberapa kaedah untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Memandangkan kajian tesis ini merangkumi tempoh masa selama 25 tahun iaitu dari tahun 1945 hingga 1970, penggunaan sumber pertama dan sumber kedua amat penting bagi menghasilkan sebuah penulisan sejarah yang baik dan boleh diterima umum. Lantaran itu penyelidik melakukan penyelidikan dokumen rasmi dan tak rasmi. Mentelaah buku-buku serta menemuramah tokoh-tokoh radikal Melayu yang masih hidup. Bagi menghasilkan sebuah kajian sejarah perjuangan golongan radikal Melayu dari Perak mampu dijadikan rujukan oleh para pengkaji sejarah kemudian nanti. Penyelidik berharap dapat memberikan sebuah gambaran baru sejarah perjuangan politik mereka yang pernah dilabelkan radikal.

1.5.1 Kajian Sumber Pertama

Bagi menguatkan hujah dalam penulisan tesis ini penggunaan sumber pertama amat penting. Sumber pertama merupakan sumber asli seperti dokumen rasmi, surat-surat persendirian, gambar atau catatan pengalaman mereka yang terlibat. Penyelidik telah menemui tokoh-tokoh radikal Melayu dari Perak yang masih hidup dan telah mendapat kerjasama yang baik daripada mereka untuk melakukan beberapa temuramah khususnya membicarakan kisah-kisah pengalaman yang mereka tempuhi pada zaman penjajahan British. Antara tokoh tersebut yang masih hidup ialah Abdul Majid bin Salleh, Cikgu Mohd. Yusof bin Ayob dan Ibrahim

Singgeh. Mereka merupakan sumber saksi yang masih hidup dan mampu menceritakan kembali pengalaman suka duka mereka dalam perjuangan khususnya pengalaman semasa dalam perjuangan menentang penjajah British serta kehidupan dalam kem-kem tahanan politik penjajah. Kekuatan sumber pertama ini adalah berkaitan dengan maklumat daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam peristiwa tersebut. Namun kelemahan sumber lisan ini biasanya berkaitan dengan penceritaan secara emosional dan daya ingatan yang semakin berkurangan kerana faktor umur yang semakin lanjut.

Penyelidik juga berjaya menemui catatan-catatan pengalaman yang ditulis sendiri oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam perjuangan tersebut. Antara catatan pengalaman yang mereka tulis sendiri adalah seperti *Kemanakah Akhirnya Perjuangan 1945-1988?*,²³ *Untukmu Anak Merdeka*,²⁴ *Memoir Abdul Majid Salleh: Dalam PKMM dan Persatuan Buruh*,²⁵ yang ditulis oleh Haji Abdul Majid Salleh dan *Tujuh Tahun Gerhana* oleh Haji Rashid Karim bin Abdul Karim²⁶ serta *Tujuh Tahun Malam Memanjang dan Meniti Jalan ke Punchak*²⁷ serta *Memoir Ahmad Boestamam, Merdeka dengan Darah dalam Api* oleh Ahmad Boestamam.²⁸ Turut juga mencatatkan sejarah perjuangan melalui karya mereka antaranya ialah

²³ Abdul Majid Salleh, *Ke manakah Akhirnya Perjuangan 1945-1988?*, Catatan Peribadi. [Munaskrip Asal Tidak Pernah diterbitkan].

²⁴ Abdul Majid Salleh, *Untukmu Anak Merdeka*, Abdul Majid Salleh, Ipoh, 1991.

²⁵ Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh, Dalam PKMM dan Persatuan Buruh*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

²⁶ Rashid Karim bin Haji Abdul Karim, *Tujuh Tahun Gerhana*, Badan Kebajikan Guru-guru Wilayah Padang Rengas, Padang Rengas, 1991.

²⁷ Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Punchak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.

²⁸ Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam, Merdeka dengan Darah dalam Api*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

Perang Anti-British dan Perdamaian karangan Abdullah CD,²⁹ *Sejarah dan Perjuangan Kemerdekaan* tulisan Abu Samah Mohd. Kassim,³⁰ *Memoir Pak Sako, Putera Gunung Tahan* tulisan Ishak Haji Muhammad.³¹ *Rejimen ke 10 dan Kemerdekaan* oleh Suriani Abdullah.³² *Kebenaran* oleh Jaafar Hussin.³³ Kemudian penyelidik juga berjaya memperolehi surat-surat dan dokumen-dokumen rasmi berkaitan dengan PKMM, Laporan pendapatan Malayan Union, Perlembagaan Parti Marhaen, gambar-gambar dalam simpanan orang-perseorangan dan dari Arkib Negara, dokumen dalam simpanan Muzium Taiping dan juga orang perseorangan. Sumber-sumber ini merupakan sumber pertama yang masih baik dan boleh dibaca serta dijadikan rujukan.

Bagi memantapkan penulisan ini seterusnya penyelidik telah membuat lawatan ke tempat-tempat bersejarah yang menyimpan rahsia perjuangan yang pernah dilalui oleh golongan radikal di negeri Perak seperti ke Maahad Il Ihya As-Sharif, Gunung Semanggol, ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, ke Madrasah Al Huda Wal Bushra, Pasir Panjang, Sitiawan, ke Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek (Lama), Taiping, ke Sekolah Kebangsaan Baling, Kedah, ke Penjara Taiping, ke Sekolah Kebangsaan Francis Light, Pulau Pinang dan juga ke bekas tapak Penjara Pulau Jerjak serta juga mengunjungi Pejabat PAS Pusat,

²⁹ Abdullah CD, *Perjuangan Anti-British dan Perdamaian*, Nan Dao Publisher. Hong Kong, 1998.

³⁰ Abdul Samah Mohd. Kassim, *Sejarah dan Perjuangan Kemerdekaan*, Penerbitan Nan Doa, Hong Kong, 1996.

³¹ Ishak Haji Muhammad, *Memoir Pak Sako, Putera Gunung Tahan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1997.

³² Suriani binti Abdullah, *Rejimen ke 10 dan Kemerdekaan*, Penerbitan Nan Doa, Hong Kong, 1999.

³³ Jaafar Hussin, *Kebenaran*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.

Taman Melawati, Kuala Lumpur. Penulis juga mengunjungi Arkib Negara, di Kuala Lumpur untuk mengkaji dokumen, surat rasmi, fail-fail peribadi, fail-fail sulit, dan akhbar-akhbar lama. Di antara akhbar lama itu adalah *Utusan Melayu, Berita Harian, The Malay Mail, Voice of The People, Times of Malaya and Straits Echo, The Straits Times, The Sunday Times, Utusan Zaman, Suara Islam, Fikiran Rakyat, Cermin Rakyat, Fajar Asia, Pelita Malaya, Majlis, Mastika, Harakah, Ilmu Masyarakat* dan juga *Dewan Masyarakat*. Manakala dokumen-dokumen rasmi British seperti *Malayan Security Services (MSS) 1946-1948, Malayan Security Service. Political Intelligence Journal. Issued Fortnightly. Serial No. 1/1946. MSS. Ind. Ocn. S 251, Malayan Security Service, Special Conference, Conference Hel Under The Chairmanship oi HE The Governor-General : at 10.a.m. on Thursday, 26th June 1947, in the Governor-General's Office ; Singapore. (Top Secret) MSS. Ind. Ocn. S 254, Colonial Office (CO537, C0717 dan CO1022), Manifesto Parti Komunis Malaya @ Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya[PKMRM], Perutusan Hari Buruh PKM bertarikh 17/4/1946, UMNO/SG dan lain-lain. Di Muzium Taiping di Perak penyelidik memperolehi dokumen-dokumen rasmi yang tersimpan di situ seperti *Report on the Audit Of The Accounts of the Malayan Union for the year ended 31 December 1947*. Paling menarik dan mencabar sekali apabila penyelidik melakukan penyelidikan di Muzium Taiping, Perak kerana di situ terdapat banyak dokumen British yang tidak terusik dan tersimpan rapi. Dalam usaha melengkapkan tesis ini penyelidik juga berjaya menemui dokumen-dokumen rasmi, catatan-catatan pengalaman yang tidak pernah diterbitkan dan gambar-gambar dalam kem tahanan. Dokumen-dokumen ini dapat membantu penyelidik untuk memperlengkapkan tesis ini.*

1.5.2 Kajian Sumber Kedua

Selain sumber pertama, penyelidik berusaha memperkuat penulisan sejarah ini dengan melakukan kajian ke atas sumber-sumber kedua. Ini amat penting dilakukan bagi memastikan wujudnya kesinambungan dan keseragaman antara sumber pertama yang diperolehi tadi dengan sumber kedua, dalam bentuk kajian sejarah yang pernah dilakukan oleh para pengkaji sejarah sebelum ini. Lantaran itu penyelidik melakukan kajian kepustakaan. Antara perpustakaan yang penyelidik kunjungi ialah Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Perpustakaan ATMA, UKM, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh, Perpustakaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Ipoh, Muzium Ipoh dan Muzium Taiping di Perak serta Perpustakaan Awam Sitiawan. Penyelidik pernah juga menziarahi rumah pusaka tokoh radikal Melayu di Perak seperti rumah Allahyarham Ayus Nordin pemimpin PKMM cawangan Sitiawan. Dalam kajian ini penyelidik menemui banyak penulisan berbentuk buku, artikel, jurnal, keratan-keratan akhbar dan juga majalah yang memuatkan maklumat-maklumat penting. Semua bahan ini dapat membantu penyelidik bagi melengkapkan lagi hasil kajian tesis sejarah “Radikalisme Melayu Dari Perak 1945-1970 : Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan dan Pengorbanan” ini.